



JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN CABUTAN UNDI

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat / Pembekal / Pengusaha warganegara Malaysia dalam **NEGERI PULAU PINANG SAHAJA** yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi menyertai cabutan undi berikut :

Bil .	No. Cabutan Undi JKNPP	Tajuk	Tarikh Jualan Borang / Lawatan Tapak	Tarikh, Masa & Tempat Pendaftaran dan Cabutan Undi
1.	JKNPP 8/ 2014	Cabutan Undi Lot Perniagaan (Sektor Terbuka) Bahagian 1 dan Bahagian 2 sempena penganjuran Pesta Pulau Pinang Tahun 2014 yang akan berlangsung dari 25 November 2014 hingga 31 Disember 2014.	Tarikh : 10 September sehingga 22 September 2014. (Hari Bekerja Sahaja) Tempat : Tapak Pesta Sungai Nibong Pulau Pinang Jam : 9.00 Pg – 12.00 Tghari 2.45 Ptg – 4.15 Ptg	Tarikh : 23, 24 & 25 September 2014 (Isnin - Rabu) Jam : 9.00 Pg – 12.00Tghari (Pendaftaran) 2.00 Ptg – 5.00 Ptg (Cabutan Undi) Tempat: Auditorium A & C Aras 5, Komtar

1. Syarikat/Pembekal/Pengusaha yang ingin menyertai cabutan undi ini hendaklah mendapatkan borang cabutan undi di Pejabat Urusetia Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang pada tarikh dan masa Lawatan Tapak di atas. Bayaran **RM 10.00** dikenakan bagi setiap borang cabutan undi yang dijual dan **satu borang cabutan undi hanya terhad untuk satu lot sahaja. Borang cabutan undi tidak boleh difotostat.** Syarikat/Pembekal/Pengusaha yang menggunakan borang yang difotostat tidak dibenarkan mendaftar untuk menyertai proses cabutan undi.
2. Syarikat/Pembekal/Pengusaha boleh mendapatkan maklumat mengenai lot-lot yang ditawarkan semasa lawatan tapak dijalankan. Sektor dan harga yang ditetapkan ialah seperti dalam Jadual Harga Cabutan Undi .
3. Pemilik syarikat/pembekal/pengusaha **DIWAJIBKAN** hadir semasa proses pendaftaran dan cabutan undi. **Wakil syarikat tidak dibenarkan.**
4. Setiap pemilik syarikat/pembekal/pengusaha hanya dibenarkan mendaftar untuk **SATU** lot perniagaan dalam **Bahagian 1** dan **Bahagian 2** sahaja.
5. Cabutan undi akan dijalankan mengikut tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan seperti di atas merujuk kepada tong cabutan undi lot yang ditawarkan. **Keputusan cabutan undi adalah MUKTAMAD.** Sebarang rayuan tidak akan dilayan.